

DARI IDZAN ISMAIL

1982

SUVA, FIJI, 15 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN PERLUNYA KERJASAMA ANTARA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI RANTAU ASIA - PASIFIK UNTUK MEMUJUDKAN KERJASAMA SERANTAU.

PERDANA MENTERI BERKATA PARA PEHIMPIN KOMANWEL TERUTAMANYA DI RANTAU INI HARUS MENUMPUKAN PERHATIAN MEREKA TERHADAP KERJASAMA DALAM BIDANG EKONOMI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENDAHULUI PERBINCANGAN MENGENAI +KERJASAMA SERANTAU, EKONOMI DAN YANG BERMANUFAAT+ PERCAYA BAHAWA NEGARA-NEGARA ASIA PASIFIK BOLEH MEMPELAJARI DARI PENGALAMAN NEGARA-NEGARA ASEAN YANG TELAH MENCAPAI KEJAYAAN YANG MEMBANGGAKAN DALAM RANCANGAN INTEGRASI EKONOMINYA.

ASEAN, MENURUT BELIAU, SEBENARNYA SEDANG MEMUPUK KERJASAMA EKONOMI DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA DI HAMPIR TIAP TIAP KAWASAN YANG MEMPUNYAI KEGIATAN EKONOMI TERMASUKLAH DALAM BIDANG TENAGA, PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN, BANKING DAN KEWANGAN DAN PERTANIAN.

+DENGAN TUMPUAN UTAMA TERHADAP KERJASAMA DALAM BIDANG EKONOMI, ASEAN KINI TELAH MEMBANGUN SEBAGAI SATU KUMPULAN YANG TERKENAL BUKAN SAHAJA KERANA BERJAYA MENCAPAI HASIL-HASIL YANG POSITIF DALAM BIDANG EKONOMI TETAPI JUGA SUMBANGAN-SUMBANGANNYA BAGI MEMUJUDKAN KEMANTAPAN SERANTAU. -- BERNAMA 1324/PA

B589:

MAHATHIR-KERJASAMA 2 SUVA (FIJI) (SAMBUNGAN BERITA 531)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN KERJASAMA EKONOMI SERANTAU MERUPAKAN USAHA UTAMA CHOGRM, LEBIH-LEBIH LAGI DI MANA NEGARA-NEGARA DALAM RANTAU TERSEBUT BERADA PADA TAHAP PEMBANGUNAN YANG BENEZA-DEZA.

INI TERMASUK NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN SEPERTI AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND DALAM SATU KUMPULAN NEGARA PASIFIK SELATAN YANG DAJU MENCAPAI KEMERDEKAAN DALAM KUMPULAN LAIN.

DI ANTARA KEDUA-DUA KUMPULAN NEGARA ITU TERDAPAT BANYAK NEGARA YANG MAJU TETAPI MASIH MEMBANGUN.

+KEADAAN INI MENYEDIAKAN CASARAN DAN POTENSI KEPADA KAMI UNTUK KERJASAMA EKONOMI SERANTAU DI KALANGAN NEGARA KOMANWEL DI RANTAU INI. -- KATANYA.

MESYUARAT-MESYUARAT CHOGRM DI SYDNEY DAN NEW DELHI TELAH MENGKUI POTENSI KERJASAMA EKONOMI DALAM RANTAU ASIA-PASIFIK DAN SEBAGAI USAHA MENCAPAI MATLAMAT ITU TELAH MENUBUHKAN KUMPULAN KERJA PERUNTINGAN MENGENAI HAL EHWAL EKONOMI SEPERTI PERDAGANGAN DAN TENAGA, INDUSTRI, PENYELIDIKAN PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA USAHA YANG DIJALANKAN OLEH KUMPULAN-KUMPULAN BERKEMAMUAN JELAS MENUNJUKKAN TERDAPAT BANYAK BIDANG DALAM KEGIATAN EKONOMI DI MANA KERJASAMA KOMANWEL BOLEH DILAKUKAN. -- LAGI 1615/IB

B590

MAHATHIR - KERJASAMA 3 SUVA (FIJI)

BELIAU JUGA MENEGASKAN PERLUNYA DIADAKAN USAHA GIGIH DAN BERTERUSAN BAGI MENYEDIAKAN BANTUAN KEPADA NEGARA-NEGARA PULAU PASIFIK SELATAN DALAM MEMBINA KETAHANAN DAN KEBEBASAN KEBANGSAAN MASING-MASING.

BELIAU BERKATA WALAUPUN NEGARA-NEGARA KOMANWEL DI RANTAU ASIA-PASIFIK SENTIASA MENYEDARI MASALAH DAN KEPERLUAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA PULAU YANG KECIL TERUTAMA DI PASIFIK SELATAN, LEBIH BANYAK LAGI BOLEH DILAKUKAN DARIPADA APA YANG TELAH DIBUAT SETAKAT INI.

BELIAU MENYERU NEGARA-NEGARA LAIN DI RANTAU TERSEBUT SUPAYA TUBUH SEBATA DALAM UPAYA-UPAYA ITU

+KITA SEDAR BAHAWA USAHA-USAHA KECIL-KECILAN YANG DIJALANKAN OLEH SETENGAH-SETENGAH NEGARA TERMASUK MALAYSIA UNTUK MEMBANTU NEGARA YANG KURANG BERNASIB BAIK TIDAK AKAN MEMBAWA PEMBANGUNAN PESAT YANG DIPERLUKAN.

+BAGAIMANAPUN, JIKA USAHA GIGIH DAN BERTERUSAN DIBUAT KE ARAH INI, SAYA YAKIN KITA AKAN DAPAT SEDIKIT SEBANYAK MENOLONG NEGARA-NEGARA INI.+ -- LAGI 1620/MK

MAHATHIR - KERJASAMA 4 SUVA (FIJI)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBIFATKAN MESYUARAT CHOGEM SEBAGAI KENA PADA MASANYA DARI SEGI MENGETAHUI PROJEK-PROJEK YANG DIBUAT OLEH NEGARA-NEGARA PULAU PASIFIK SELATAN BAGI PEMBANGUNAN SENDIRI.

BELIAU BERKATA BANTAU ITU KEMUDIAN BOLEH MENIMBANGKAN BENTUK TINDAKAN ATAU BANTUAN YANG DIPERLUKAN BAGI MENJAMIN PROJEK-PROJEK BERKENAAN DAPAT DILANCARKAN DENGAN SEMPURNA-NYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENAMPACKAN PERLUNYA MENYALURKAN LEBIH BANYAK BANTUAN KEPADA NEGARA-NEGARA PULAU PASIFIK SELATAN BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MEMBINA KETAHANAN DAN KEMEMDEKAAN Masing-masing.

"WALAU PUN MALAYSIA SENDIRI BERGANTUNG KEPADA BANTUAN TEKNIK UNTUK MEMEBATKAN PEMBANGUNAN EKONOMINYA, DALAM SEMANGAT KERJASAMA IA TELAH MELANCARKAN RANCANGAN BANTUAN TEKNIK SEBAGAI USHA MEMOLONG NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG KURANG BERNASIB BAIK DARIPADANYA."

DI BAWAH RANCANGAN ITU, MALAYSIA TELAH MENYEDIAKAN BANTUAN TEKNIK KEPADA BEBERAPA NEGARA PASIFIK SELATAN TERMASUK FIJI, SAMOA BARAT, PAPUA NEW GUINEA DAN KEPULAUAN SOLOMON.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN MALAYSIA AKAN TERUS MENGHULURKAN BANTUAN TEKNIK KEPADA BEBERAPA NEGARA MEMBANGUN DALAM KAWASAM CHOGEM DENGAN KEUTAMAAN KEPADA BIDANG-BIDANG YANG BERFAEDAH KEPADA NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

-- BERNAMA 1615/M8